

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

ATP 201 – Kaedah Penyelidikan Perniagaan

Masa : [3 jam]

ARAHAN :

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan pensel 2B. **PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.**

BAHAGIAN A

Soalan 1

1. Bagi ukuran mana dari skala di bawah ini mod adalah merupakan ukuran kecenderungan menengah yang sesuai?
 - (a) Ordinal.
 - (b) Nisbah.
 - (c) Selang.
 - (d) Nominal.
 - (e) Pecahan

2. Suatu alat pengukuran boleh memesong hasil penemuan dengan beberapa cara, yang paling penting adalah:
 - (a) Penemuduga memesong jawapan yang direkod.
 - (b) Pensampelan yang kurang baik elemen dalam keseluruhan konsep.
 - (c) Bahaya orang kedua memesong jawapan.
 - (d) Tiada jawapan di atas.
 - (e) Semua di atas.

3. Mana satu dari yang berikut menjelaskan satu bentuk kesahan berasaskan kriteria?
 - (a) Kesahan Muka.
 - (b) Kesahan Selari (Concurrent).
 - (c) Kesahan Kandungan.
 - (d) Kesahan Konstruk.
 - (e) Kesahan Antara Muka

...2/-

4. Mana satu kenyataan berikut yang paling baik mengungkap perhubungan antara kesahan dan kebolehpercayaan?
- (a) Suatu pengukuran mungkin sah dan tiada kebolehpercayaan.
 - (b) Suatu pengukuran mungkin boleh dipercayai tetapi tidak sah.
 - (c) Ukuran yang boleh dipercayai adalah bebas dari ralat sistematik manakala ukuran yang sah pula bebas dari ralat rawak.
 - (d) Dari kedua-dua ukuran di atas, yang lebih baik adalah kebolehpercayaan.
 - (e) Kedua-duanya sama penting.
5. Suatu pendekatan menggunakan skala tujuh titik dan adjektif (adjective) bipolar adalah dikenali sebagai
- (a) Skala Pembezaan Semantik.
 - (b) Scalogram Guttman.
 - (c) Skala Pertimbangan Perbandingan.
 - (d) Skala Jenis Likert.
 - (e) Skala Grafik
6. Senarai semua elemen populasi dari mana sampel diambil disebut
- (a) Populasi.
 - (b) Elemen.
 - (c) Senarai parameter.
 - (d) Rangka sampel.
 - (e) Senarai sampel
7. Ralat respons adalah diakibatkan oleh?
- (a) Responden tidak sedar mengenai fakta sebenar.
 - (b) Responden memalsukan jawapan secara sedar.
 - (c) Penemuduga mengisi jawapan yang silap.
 - (d) A dan B betul.
 - (e) Semua di atas.
8. Keperluan pengkodan adalah di mana set kategori mestilah:
- (a) Saling habisan.
 - (b) Sesuai.
 - (c) Saling eksklusif.
 - (d) Didefinisikan sebagai dimensi tunggal.
 - (e) Semua di atas.

9. Semua dari yang berikut adalah kaedah analisis data penerokaan **KECUALI**:
- (a) Jadual kekerapan.
 - (b) Carta bar dan Carta Pai.
 - (c) Histogram.
 - (d) Tiada jawapan di atas.
 - (e) Jawapan (b) dan (c) sahaja.
10. Ujian satu hujung
- (a) Tidak berarah.
 - (b) Tidak boleh digunakan dengan taburan normal.
 - (c) Boleh digunakan dengan Taburan Khi Kuasa Dua.
 - (d) Adalah berarah.
 - (e) Hanya boleh digunakan dalam ujian satu sampel sahaja.
11. Rekabentuk penyelidikan adalah:
- (a) Pemerincian metodologi eksperimen.
 - (b) Memerincikan teknik pengumpulan data.
 - (c) Plan atau struktur penyelidikan yang dibentuk untuk menjawab soalan penyelidikan.
 - (d) Penilaian kekangan kos dan masa.
 - (e) Semua di atas.
12. Mana satu dari yang berikut **BUKAN** dalam bentuk hipotesis?
- (a) Kenaikan harga membawa kepada penurunan besar dalam permintaan.
 - (b) Kuasa ESP adalah lebih kuat di kalangan wanita berbanding lelaki.
 - (c) Orang Amerika mempunyai tanggapan bahawa produk Jepun lebih baik dari produk Korea.
 - (d) Jualan di Kuala Lumpur lebih tinggi berbanding di Kota Baru.
 - (e) Tiada satu pun dari di atas.
13. Mana satu kenyataan berikut adalah **BENAR**?
- (a) Model adalah satu perwakilan dan bukan penjelasan.
 - (b) Model digunakan untuk kedua-dua deskriptif dan simulasi.
 - (c) Model dinamik mewakili evolusi sistem melalui peredaran masa.
 - (d) Semua di atas.
 - (e) Tiada satu pun dari di atas.
14. Mana satu dari yang berikut **BUKAN** sebahagian dari plan penyelidikan formal?
- (a) Defini konsep dan konstruk utama.
 - (b) Spesifikasi teknik/metod penyelidikan.
 - (c) Arahan pengkodan dan penjadualan.
 - (d) Belanjawan masa dan kos.
 - (e) Kos dan faedah.

15. Indeks terbaik untuk menjelaskan varians yang dikongsi antara pembolehubah adalah:
- (a) r .
 - (b) r^2 .
 - (c) $y = b_0 + b_1 x_1$.
 - (d) t .
 - (e) p
16. Berikut adalah beberapa garis panduan penulisan laporan penyelidikan baik **KECUALI**:
- (a) Mengetahui kumpulan sasaran.
 - (b) Memerhati gaya penulisan.
 - (c) Ringkas dan jelas.
 - (d) Menggunakan pelbagai kaedah statistik untuk membuktikan kebenaran.
 - (e) Bahasa yang mudah di fahami.
17. Kebolehpercayaan ujian-ujian semula mengukur
- (a) Ketahanan sesuatu ukuran.
 - (b) Kesahan dalam sesuatu tempoh masa.
 - (c) Kestabilan dalam sesuatu tempoh masa.
 - (d) Kekuatan piawaian sesuatu alat pengukuran.
 - (e) Kekuatan alat ukuran
18. Seorang pengurus pengeluaran ingin mengetahui produk yang manakah yang lebih baik daripada dua jenis produk yang digunakan dalam proses pengecatan rumah? Oleh itu, apakah teknik yang paling sesuai digunakan untuk kajian ini:
- (a) Analisis varians.
 - (b) Regresi.
 - (c) Ujian T.
 - (d) Analisis faktor.
 - (e) Analisis Kelompok
19. Koefisien korelasi Pearson
- (a) Antara nilai -1 dan 1 .
 - (b) Adalah negatif sekiranya pembolehubah mempunyai hubungan songsang.
 - (c) Menunjukkan tiada perhubungan jika nilainya menghampiri 0 .
 - (d) Semua di atas.
 - (e) Tiada satu pun dari di atas.

20. Pengitlakan merujuk kepada
- (a) Hasil kajian yang boleh diaplikasikan kepada populasi dalam persekitaran yang berbeza.
 - (b) Hasil kajian yang hanya boleh diaplikasikan untuk sampel kajian sahaja.
 - (c) Pensampelan senang.
 - (d) Penggunaan jadual nombor rawak.
 - (e) Membuat kesimpulan berasaskan pengalaman.
21. Mana satu dari kenyataan **TIDAK** menggambarkan dengan betul bagaimana seseorang pengurus menentukan sama ada penyelidikan diperlukan atau tidak?
- (a) Penyelidikan mungkin tidak dapat dijalankan kerana kekangan masa.
 - (b) Keputusan utama sepatutnya hanya dibuat selepas penyelidikan dijalankan.
 - (c) Pengurus yang mempunyai pengetahuan yang cukup tidak perlu menjalankan penyelidikan.
 - (d) Penyelidikan hanya patut dijalankan sekiranya ia memperbaiki kualiti keputusan dan perbelanjaan juga setaraf dengan maklumat yang diperolehi.
 - (e) Semua kenyataan di atas adalah tepat.
22. Sama ada penyelidikan harus dijalankan atau tidak ditentukan oleh setiap yang berikut **KECUALI**
- (a) sikap pekerja terhadap topik penyelidikan
 - (b) kekangan masa
 - (c) sifat keputusan yang perlu dibuat
 - (d) faedah penyelidikan berbanding kosnya
 - (e) tiada satu pun dari di atas terkecuali
23. Semua kenyataan berikut adalah benar **KECUALI**
- (a) tiada satu rekabentuk penyelidikan yang terbaik untuk semua keadaan
 - (b) penyelidikan pengamatan mudah dibentuk dan dilaksanakan
 - (c) satu kekurangan kaedah pengamatan adalah kerana tidak dapat merekod sikap dan pendapat responden
 - (d) terdapat berbagai cara untuk mengutip data
24. Kenyataan mana dari yang berikut adalah **TIDAK** benar mengenai penyelidikan tinjauan?
- (a) mengumpul maklumat dari individu menggunakan borang soal selidik
 - (b) mengumpul data primer
 - (c) mempunyai potensi tertinggi dalam menyelidik hubungan sebab-musabab
 - (d) boleh dijalankan menggunakan mel, temuduga peribadi dan telefon

25. Empat rekabentuk penyelidikan yang boleh digunakan dalam penyelidikan perihalan dan sebab-musabab adalah:
- (a) kumpulan fokus, tinjauan, kajian perintis dan eksperimen
 - (b) kumpulan fokus, tinjauan, eksperimen dan pengamatan
 - (c) kajian data sekunder, tinjauan, eksperimen dan pengamatan
 - (d) data sekunder, kumpulan fokus, tinjauan dan eksperimen
26. Semua dari yang berikut adalah tahap dalam proses penyelidikan **KECUALI**
- (a) perancangan sampel
 - (b) definisi masalah
 - (c) perancangan rekabentuk penyelidikan
 - (d) menjalankan tinjauan melalui telefon
 - (e) membentuk kesimpulan dan menyediakan laporan
27. Apa sahaja prosedur yang menggunakan bilangan kecil item atau orang untuk membuat kesimpulan mengenai kumpulan yang lebih besar yang dikenali sebagai populasi di sebut
- (a) statistik
 - (b) pensampelan
 - (c) tinjauan
 - (d) teori kebarangkalian
 - (e) parameter
28. Persoalan yang mana satu dari yang berikut **TIDAK** akan dijawab oleh plan pensampelan?
- (a) Kenapa sampel itu dipilih?
 - (b) Siapa yang perlu disampel?
 - (c) Berapa besar sampel yang diperlukan?
 - (d) Bagaimanakah unit sampel akan dipilih?
 - (e) Kesemua persoalan di atas boleh dijawab oleh plan pensampelan
29. Jika kita ingin penjelasan mengenai sifat sesuatu masalah, kita akan menjalankan penyelidikan _____.
- (a) penjelasan
 - (b) penerokaan
 - (c) perihalan
 - (d) sebab-musabab
 - (e) korelasi

30. Bila ralat tinjauan di bahagikan kepada dua sumber utama, pembahagian yang digunakan adalah:
- (a) ralat rawak pensampelan dan ralat pemilihan sampel
 - (b) ralat rawak pensampelan dan ralat pentadbiran
 - (c) ralat rawak pensampelan dan ralat sistematik
 - (d) ralat pemilihan sampel dan bias respons
 - (e) bias respons dan ralat bukan respons
31. Penyelidikan perniagaan adalah suatu alat (tool) yang menyediakan maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan perniagaan yang baik.
- (a) Benar (b) Palsu
32. Kedua-dua penyelidikan asas dan gunaan adalah sistematik dan objektif, tetapi hanya penyelidikan asas yang menggunakan kaedah saintifik untuk menjawab soalan/dilema yang di hadapi.
- (a) Benar (b) Palsu
33. Proses induktif adalah proses membuat kesimpulan berasaskan premis yang diketahui atau sesuatu yang diketahui memang benar.
- (a) Benar (b) Palsu
34. Hipotesis adalah suatu proposisi yang boleh diuji secara empirik.
- (a) Benar (b) Palsu
35. Dalam pengumpulan data, pra-ujian bermaksud satu sampel kecil data dikumpulkan untuk menguji analisis statistik yang akan digunakan dalam penyelidikan.
- (a) Benar (b) Palsu
36. "A problem well defined is a problem half solved", adalah satu perumpamaan lama yang tidak selalunya benar dalam era teknologi maklumat dan komputer.
- (a) Benar (b) Palsu
37. Pembolehubah bersandar akan mempengaruhi perubahan dalam pembolehubah tak bersandar.
- (a) Benar (b) Palsu
38. Objektif penyelidikan akan menyatakan maklumat yang diperlukan untuk membuat sesuatu keputusan.
- (a) Benar (b) Palsu

39. Kumpulan fokus pekerja dalam sesuatu syarikat mestilah dikendalikan oleh penyelia mereka.
- (a) Benar (b) Palsu
40. Dalam menjalankan kajian kes, kita mestilah memperolehi kebenaran pihak yang sejarah mereka ingin kita kaji.
- (a) Benar (b) Palsu
41. Internet mempunyai kesan yang tidak bererti terhadap bagaimana penyelidikan perniagaan di jalankan.
- (a) Benar (b) Palsu
42. Data dan maklumat adalah istilah yang boleh ditukar-ganti penggunaannya.
- (a) Benar (b) Palsu
43. Keterampilan dan kelakuan penemuduga boleh mempengaruhi jawapan yang diberikan oleh responden.
- (a) Benar (b) Palsu
44. Penyelidik boleh menjangka untuk mendapat kadar pulangan (response rate) 100% bagi kebanyakan penyelidikan tinjauan.
- (a) Benar (b) Palsu
45. Responden lebih cenderung untuk memberikan maklumat peribadi dan sulit jika penyelidikan dijalankan melalui tinjauan mel.
- (a) Benar (b) Palsu
46. Eksperimen lapangan adalah eksperimen yang dijalankan dalam makmal di mana penyelidik mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap persekitaran (setting) penyelidikan.
- (a) Benar (b) Palsu
47. Jenis skala yang digunakan dalam penyelidikan perniagaan akan mempengaruhi bentuk analisis statistik yang boleh digunakan.
- (a) Benar (b) Palsu
48. Skala selang adalah unik kerana ia mempunyai nilai 0 yang mutlak dan beza antara jawapan yang sama.
- (a) Benar (b) Palsu

49. Pensampelan "snowball" adalah di mana responden pertama dipilih secara rawak manakala responden seterusnya diperolehi dari maklumat yang diberikan oleh responden pertama tadi dan seterusnya.
- (a) Benar (b) Palsu
50. Pengiraan median bukan satu bentuk analisis perihalan (descriptive).
- (a) Benar (b) Palsu

[40 markah]

BAHAGIAN B

Soalan 2

Berikut adalah dua senario A dan B. Untuk setiap senario, nyatakan bagaimana penyelidik harus menjalankan penyelidikan dengan menentukan setiap dari yang berikut **dengan memberikan sebab**:

- (a) Tujuan Penyelidikan.
(b) Sejauh mana campurtangan (kuasa) penyelidik.
(c) Persekitaran kajian.
(d) Dimensi Masa.
(e) Unit analisis.

Senario A

Seorang penyelidik Encik Ibrahim Panjang, ingin menjalankan suatu projek penyelidikan yang akan membolehkan beliau untuk menentukan perhubungan antara ciri-ciri personaliti tertentu dan juga kecenderungan (tendencies) mengambil risiko di kalangan pelabur saham.

Senario B

Penjualan komputer ACER dan COMPAQ seorang pekedai, Encik Lim Goh Poh, mengalami penurunan yang teruk. Lim Goh Poh memutuskan untuk menguji dua pendekatan jualan. Dia membahagikan 12 orang jurujualnya kepada 2 kumpulan. Dia melatih satu kumpulan dengan menggunakan pendekatan "jualan keras" (hard sell) dan satu kumpulan lagi dengan pendekatan "jualan lembut" (soft sell), supaya dia dapat memastikan pendekatan mana yang lebih efektif meningkatkan jualan komputernya.

[20 markah]

...10/-

Soalan 3

Kementerian Pelancungan ingin membuat ramalan mengenai bilangan pelancung yang akan melawat Malaysia pada tahun 2000. Mereka telah mengenalpasti 4 faktor yang boleh mempengaruhi bilangan ketibaan pelancung. Faktor yang dikenalpasti adalah **PRICE** (Harga yang dikenakan), **PROMOTE** (Perbelanjaan untuk promosi dalam ribu ringgit), **RATE** (Kadar pertukaran) dan **TEMP** (Min suhu pada sesuatu minggu). Data lampau telah di analisis menggunakan perisian SPSS dan output adalah seperti di bawah:

* * * * MULTIPLE REGRESSION * * * *

Listwise Deletion of Missing Data

Equation Number 1

Dependent Variable.. **TOURISTS** BILANGAN PELANCUNG YANG TIBA (DALAM RIBU)

Block Number 1. Method: Enter **PRICE PROMOTE RATE TEMP**

Variable(s) Entered on Step Number

- 1.. TEMP MIN SUHU PADA SESUATU MINGGU (DALAM °C)
- 2.. RATE KADAR PERTUKARAN
- 3.. PRICE HARGA YANG DIKENAKAN
- 4.. PROMOTE PERBELANJAAN UNTUK PROMOSI (DALAM RIBU RINGGIT)

Multiple R .98703
 R Square .97423
 Adjusted R Square .95951
 Standard Error .21060

Analysis of Variance

| | DF | Sum of Squares | Mean Square |
|------------|----|----------------|-------------|
| Regression | 4 | 11.73870 | 2.93468 |
| Residual | 7 | .31046 | .04435 |

F = 66.16804 Signif F = .0000

----- Variables in the Equation -----

| Variable | B | SE B | Beta | T | Sig T |
|------------|----------|----------|----------|--------|-------|
| PRICE | -.170851 | .043016 | -.615248 | -3.972 | .0054 |
| PROMOTE | .242553 | .162832 | .258911 | 1.490 | .1799 |
| RATE | 3.546983 | 3.035765 | .091918 | 1.168 | .2809 |
| TEMP | .227316 | .118947 | .175505 | 1.911 | .0976 |
| (Constant) | 5.918755 | 3.892175 | | 1.521 | .1721 |

Durbin-Watson Test = 2.32723

...11/-

Anda dikehendaki:

- (a) Dari output komputer di atas, bentukkan persamaan regresi berganda yang bersesuaian.
- (b) Berapa peratuskah variasi dalam bilangan pelancung yang tiba yang dapat dijelaskan oleh keempat-empat pembolehubah yang dikaji. Jelaskan jawapan anda.
- (c) Ramalkan paras bilangan ketibaan pelancung sekiranya diberikan:

| | | |
|----------------|---|------|
| PRICE | = | 38 |
| PROMOTE | = | 12 |
| RATE | = | 0.54 |
| TEMP | = | 15.5 |
- (d) Pada aras keertian 0.05, adakah keseluruhan pembolehubah tak bersandar menyebabkan (contributing) variasi pada pembolehubah bersandar?
- (e) Bolehkah seseorang merumuskan bahawa kesan individu (individual effects) pembolehubah **PRICE**, **PROMOTE**, **RATE** dan **TEMP** bererti pada aras keertian 0.05?
- (f) Terangkan fungsi statistik Durbin-Watson.

[20 markah]

Soalan 4

Dengan memberikan **contoh yang bersesuaian**, terangkan konsep berikut:

- (a) Langkah-langkah dalam pengujian hipotesis
- (b) Analisis Regresi
- (c) Kenapa Pensampelan Penting?
- (d) Lintasan Susastera
- (e) Apakah ciri-ciri pengukuran yang baik?

[20 markah]

-----ooo000ooo-----

